



Jawab soalan berpandukan piktograf yang tidak lengkap seperti di bawah.



- Berapakah beza jualan topeng muka antara bulan Januari dengan April?
- Bilangan topeng muka yang dijual pada bulan Mac adalah 30 kotak kurang daripada Februari. Berapakah kotak topeng muka yang dijual pada bulan Mac?
- Jualan pada bulan Mei adalah 5% lebih daripada bulan April. Hitung:
 - jualan pada bulan Mei.
 - jumlah jualan dari Januari hingga Mei.
- Sekotak topeng muka mengandungi 50 unit dan harga kosnya ialah RM30. Harga jual seunit topeng muka ialah 80 sen. Hitung keuntungan jualan yang diperoleh pada bulan Februari.

Jawab soalan berdasarkan carta palang di bawah.



- Nyatakan dua jenis warna cat yang digunakan dengan jumlah isi padu 1.4 l.
- Berapakah purata isi padu cat yang telah digunakan?
- Hitung baki isi padu cat jika kapasiti setiap tin ialah 1 l.
- $\frac{3}{5}$ daripada baki isi padu cat digunakan untuk mengecat rak buku. Hitung isi padu cat, dalam ml, yang digunakan itu.

3 Lihat carta palang di bawah dan jawab soalan berikut.



- Hitung jumlah pekerja di kilang P, Q dan R.
- Jumlah pekerja bagi dua buah kilang melebihi 800 orang. Nyatakan dua buah kilang itu.
- Berapakah pecahan bilangan pekerja di kilang P daripada jumlah pekerja di keempat-empat buah kilang?
- 40% daripada jumlah pekerja ialah pekerja lelaki. Hitung bilangan pekerja wanita di empat buah kilang itu.

4 Perhatikan carta pai yang diberikan dan jawab soalan.



- Berapa peratuskah peserta kategori belia dalam acara jogathon itu?
- Seramai 148 remaja lelaki dan 152 remaja perempuan terlibat dalam acara jogathon itu. Hitung jumlah peserta kategori veteran.
- Nyatakan nisbah bilangan peserta kategori veteran kepada bilangan peserta kategori belia.